

UMNO baru tajaan

UM 17 FEB 1988

Mahathir dilulus

Oleh
Rosli Ismail dan Badrul Hisham Aziz

KUALA LUMPUR 16 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penubuhan sebuah parti baru yang diberi nama “Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (baru)” atau ringkasnya UMNO sebagai ganti kepada parti UMNO yang telah diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi.

Perdana Menteri memberitahu, pendaftaran parti baru menggunakan nama yang cuma berbeza sedikit dengan UMNO lama telahpun diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada Sabtu lalu. Serentak dengan itu, Dewan Tertinggi Barisan Nasional tengah hari ini menerima UMNO baru dalam komponennya dan melantik semula Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai pengerusi.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat pengumuman mengejut yang menamatkan teka-teki selama 13 hari ke atas nasib “UMNO” dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di hotel Pan Pacific di sini. “UMNO dan Barisan Nasional sudah kembali seperti sediakala”, katanya mengenai penyelesaian segera masalah UMNO yang pada mulanya dijangka oleh kebanyakan pemerhati akan mengambil masa lebih lama. Dalam sidang akhbar itu, beliau juga memberitahu, memandangkan ia adalah sebuah parti baru, semua ahli UMNO lama yang ingin menyertainya perlu memohon semula.

Menjawab soalan mengenai kelayakan menyertai parti itu, beliau menegaskan hanya mereka yang setia kepada UMNO lama sahaja yang akan diterima. “Kesetiaan kepada parti adalah sangat penting. Kalau tidak ada kesetiaan dan bergiat menjejaskan kepentingan parti, saya tidak fikir mereka harus menjadi anggota parti ini,” katanya.

Ditanya sama ada bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah akan diterima, Datuk Sri Dr. Mahathir secara ringkas menjawab: “Bada saya seorang yang memutuskan hal ini.”

LIHAT MUKA 6

Perdana Menteri

UMNO BARU TAJAAN MAHATHIR DILULUS

Mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam, beliau berkata: "Parti akan mengkaji bila permohonannya diterima. Semua orang boleh memohon," tambah beliau. Perdana Menteri memberitahu, jawatan Presiden Parti UMNO baru ini disandang oleh beliau sendiri, Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba menjadi timbalan presiden, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat setiausaha, manakala Menteri Kewangan Datuk Paduka Daim Zainuddin sebagai bendahari. Selain mereka, katanya, terdapat beberapa orang tokoh UMNO lama yang menjadi ahli jawatankuasa UMNO baru itu. Menurutnya, usaha mendaftarkan semula UMNO baru telah dibuat dengan penuh rahsia oleh para bekas pemimpin UMNO lama dan benar-benar mengikut peraturan undang - undang untuk

mengelakkan tindakan undang - undang dari pihak yang ingin menghalang penubuhan semula UMNO. Sambil menolak dakwaan para pemimpin UMNO lama tidak menjalankan usaha segera untuk menyelesaikan masalah UMNO, beliau memberitahu sebenarnya mereka telah mengadakan mesyuarat selepas mahkamah mengisytiharkan UMNO parti tidak sah. Katanya, lebih 30 orang ahli Majlis Tertinggi UMNO lama dan para pemimpin lain menghadiri mesyuarat itu yang diadakan secara rahsia. Katanya, mesyuarat berkenaan telah bersetuju melantik sebuah jawatankuasa kecil yang dianggotai oleh beliau sendiri, Encik Ghafar, Datuk Mohamed Rahmat dan Datuk Paduka Daim. "Kami berempat yang menguruskan kerja-kerja dan persiapan mendaftar parti baru," ujarinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, mengikut peraturan yang ditetapkan, sebenarnya mereka perlu terlebih dahulu menunggu sehingga pihak Pendaftar menghantar notis memberitahu pembatalan UMNO lama, barulah permohonan sebuah parti baru boleh dikemukakan. Ini, katanya, bermakna selepas keputusan mahkamah dibuat maka pihak Pendaftar akan menghantar surat minta tunjuk sebab kepada Setiausaha UMNO lama supaya beliau dapat mempertahankan kedudukan UMNO. "Ini adalah proses yang dinamakan *natural justice* iaitu seseorang itu mesti diberi hak untuk mempertahankan diri. Kita tahu sehingga Pendaftar Pertubuhan mengeluarkan UMNO lama dari daftar tidak ada siapapun boleh pohon mendaftarkan sebuah parti yang mempunyai nama yang sama. "Sebab itu pada awalnya kita tidak membuat permohonan tetapi tunggu hingga Pendaftar Pertubuhan menghantar surat tunjuk sebab dan kita tahu lepas surat tunjuk sebab ini kita akan jawab dan pihak Pendaftar kena beritahu kepada setiausaha parti bahawa pendaftaran UMNO lama sudah dibatalkan. "Lepas itu pembatalan pendaftaran itu perlu digazetkan tetapi tau-tau ada pihak lain pula yang memasukkan permohonan mendaftar parti baru, nama sama dengan UMNO yang ketika itu belum dibatalkan pendaftarannya," katanya. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerana adanya permohonan parti "UMNO Malaysia" tajaan Tunku Abdul Rahman itu maka pihak mereka juga sehari kemudiannya telah mengemukakan permohonan pendaftaran

atas nama "UMNO 88". Beliau memberitahu kedua-dua permohonan "UMNO Malaysia" dan "UMNO 88" telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan kerana waktu itu UMNO lama belum dibatalkan pendaftarannya. Katanya, sebaik sahaja mendapat pemberitahuan dari Pendaftar Pertubuhan mengenai pembatalan itu mereka terus mengemukakan permohonan pendaftaran UMNO baru. Menurutnya, pihak Pendaftar Pertubuhan telah meluluskan pendaftaran UMNO baru pada hari Sabtu 13 Februari dan surat mengenainya disampaikan semalam. Menjawab satu soalan lain, Perdana Menteri menjelaskan bahawa pendaftaran parti baru itu dikemukakan bersama-sama dengan perlembagaan dan peraturan-peraturannya. "Kita telah membuat persiapan yang cukup teliti dan ikut peraturan kerana tidak mahu terbengkalai di tengah jalan," ujarinya. Ditanya mengenai bentuk perlembagaan UMNO baru, beliau menjelaskan, ia tidak banyak berbeza dengan perlembagaan UMNO lama. Menyentuh tentang proses pendaftaran ahli-ahli, beliau menjangka ia akan mengambil masa lebih kurang setahun kerana jumlah mereka adalah ramai. Ditanya pula mengenai soal harta UMNO yang "terlepas" darinya akibat langkah pendaftaran semula UMNO, beliau berkata ia akan dikaji dengan mendalam untuk mencari jalan penyelesaian. Mengenai perhimpunan parti UMNO baru, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ia akan diadakan pada waktu yang ditetapkan oleh peraturan.